

25 JUL 2002

Mahathir-Pelabuhan

PTP AKAN JADI PELABUHAN TERBESAR MENJELANG 2005, KATA DR MAHATHIR

PASIR GUDANG, 25 Julai (Bernama) -- Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Gelang Patah yang terletak kira-kira 40km dari Johor Baharu akan menjadi pelabuhan yang terbesar di negara ini menjelang tahun 2005 dengan kemampuan mengendalikan lebih 10 juta TEUs (unit bersamaan 20 kaki) kontena setiap tahun.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata PTP, yang kini mengendalikan lebih 2.5 juta TEUs kontena, mampu mencapai kedudukan itu apabila semua kelengkapan dan infrastruktur di pelabuhan berkenaan ditambah.

"PTP akan mempunyai kapasiti baru yang mencukupi untuk mengendalikan sehingga enam juta TEUs ditambah dengan 4.5 juta TEUs (kapasiti sepenuhnya) sekarang.. PTP akan menjadi pelabuhan terbesar dengan kapasiti lebih 10 juta," katanya kepada pemberita selepas melawat Pelabuhan Johor Berhad di sini, hari ini.

Beliau berkata Pelabuhan Johor di sini turut berkembang pesat dengan jumlah kendalian kargonya kini berjumlah 700,000 TEUs berbanding 300,000 TEUs lapan tahun lepas.

"Kalau dulu pelabuhan-pelabuhan kita mengendalikan kurang daripada satu juta kontena ... tetapi kini Pelabuhan Johor sahaja mengendalikan 700,000 TEUs dan kalau dijumlahkan semua termasuk di Pelabuhan Johor, PTP dan Pelabuhan Klang ia dah hampir lapan juta," katanya.

Menurut Dr Mahathir pelabuhan yang ada di negara ini masih mampu untuk dikembangkan setaraf dengan pelabuhan antarabangsa lain di dunia.

Ditanya mengenai kedudukan Pelabuhan Johor berikutan kerja-kerja penambakan laut yang masih dijalankan oleh kerajaan Singapura, Perdana Menteri berkata: "Kita tidak senang hati kerana penebusgunaan mereka, menyebabkan terusan (Selat Tebrau) itu menjadi lebih sempit".

Menurut beliau fenomena sedemikian akan menyebabkan aliran air menjadi lebih sempit dan seterusnya akan mengganggu perjalanan kapal-kapal yang melalui Pelabuhan Johor.

"Bila terusan menjadi sempit, air mengalir dengan lebih deras yang seterusnya akan mengganggu pelayaran kapal-kapal terutamanya kapal tentera kita," kata beliau.

Terdahulu, Dr Mahathir diberi talimat mengenai perkembangan Pelabuhan Johor oleh Pengerusi Johor Port Berhad, Datuk Mohd Taufik Abdullah.

Turut hadir ialah Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, timbalannya Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman.

--BERNAMA

RAM BH NHD NAK